



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PENJUALAN BERAS PULUT PADA HARGA DISKAUN 50%
KEPADA PERUSAHAAN MIKRO KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) DAN
PENGUSAHA-PENGUSAHA PERSENDIRIAN**

Tarikh: 7 April 2020

1. Sebagai inisiatif tambahan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi membantu kelangsungan perniagaan para Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) serta Pengusaha-Pengusaha Persendirian yang berkecimpung dalam penyediaan dan penjualan kuih-muih yang menggunakan beras pulut sebagai bahan asas seperti kelupis, wajid, seri-muka dan lain-lain, dan dengan mengambilkira juga peniadaan majlis-majlis perkahwinan, dan peniadaan semua gerai di bulan Ramadan di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Bandaran, Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan Belia dan Sukan yang lazimnya diadakan di sepanjang bulan Ramadan sebagaimana yang dimaklumkan oleh YB Pehin Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam sidang media pada 6hb April 2020, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan bahawa Jabatan Perbendaharaan akan menjual beras pulut yang ada di Kompleks Stor dan Perbekalan Negara kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta Pengusaha-Pengusaha Persendirian dengan memberikan 50% diskaun selama sebulan bermula hari Rabu, 8hb April 2020. Dengan pemberian diskaun ini harga beras pulut adalah \$3.80 bagi satu beg seberat 10kg berbanding \$7.60.
2. Untuk maklumat lanjut, bolehlah menghubungi Jabatan Perbendaharaan di talian 2383666 sambungan 7788 atau melalui email ap.stor@treasury.gov.bn bagi membuat tempahan dan perjanjian kehadiran ke Kompleks Stor dan Perbekalan Negara.
3. Saya ingin menyeru bagi inisiatif tambahan ini tidak disalahgunakan dan jika didapati, Kementerian Kewangan dan Ekonomi tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam